

02 DEC 2000

Mahathir-KLIMS2000/

DR MAHATHIR LAWAT PAMERAN MOTOR ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melapangkan masa kira-kira dua jam melawat Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMS) 2000 yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

Perdana Menteri melawat hampir setiap gerai pameran 75 syarikat yang menyertai pameran itu dengan diiringi Presiden Persatuan Otomotif Malaysia Aishah Ahmad dan para pegawai kanan penganjur.

Aishah ketika ditemui pemberita selepas itu berkata Dr Mahathir agak gembira dengan pameran bertaraf antarabangsa itu, yang berlangsung dari 25 Nov hingga 4 Dis.

"Perdana Menteri sangat-sangat gembira, dengan kereta-kereta berteknologi tinggi yang dipamerkan dan juga syarikat-syarikat peserta pameran," katanya.

Menurut Aishah, Perdana Menteri semasa lawatan itu kerap bertanyakan mengenai teknologi automotif yang digunakan dalam setiap kereta canggih yang dipamerkan.

Aishah berkata sebagai peminat kereta Dr Mahathir sangat berminat terhadap teknologi dan model baru kereta tersebut.

"Beliau (Mahathir) berkata secara berjenaka beliau mahu membeli kereta BMW model James Bond yang dipamerkan tetapi tidak boleh kerana kereta tersebut jenis panduan sebelah kiri, kata Aishah.

Menurut Aishah kira-kira 150,000 telah melawat pameran itu sejak 25 Nov lepas dan penganjur menjangakan kira-kira 100,000 pelawat lagi pada hujung minggu ini.

Beliau berkata kebanyakan syarikat, yang mempamerkan kereta-kereta yang bernilai kira-kira RM300 juta, telah melaporkan jualan model kereta yang dipamerkan tetapi setakat ini beliau tidak dapat menyatakan jumlah jualan sebenar.

"Peserta pameran juga sangat berpuas hati dengan sambutan terhadap pameran itu dan beberapa peserta agak menyesal tidak memperindahkan gerai-gerai pameran mereka, kerana tidak menyangkakan sambutan yang begitu baik, katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY RI